

21 JAN 2002

TUDUHAN BN GUNA TAKTIK KOTOR DAN SAMSENG BIASA BAGI PAS, KATA PM

JOHOR BAHRU, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan PAS menuduh Barisan Nasional (BN) menggunakan samseng dan taktik kotor untuk menang pada pilihan raya kecil Indera Kayangan, Perlis, sememangnya biasa dilakukan oleh parti itu dalam mana-mana pilihan raya kecil di negara ini.

"Yalah, di Lunas hari tu itulah kerja dia. Kita tak buat apa-apapun, tak ada samseng pun, tetapi dia pandailah tuduh pasal dulu dia buat, itu kerja Pas," kata Perdana Menteri kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan PAS yang menuduh BN menggunakan tindakan ala samseng dan taktik kotor ketika pilihan raya kecil Indera Kayangan, Sabtu lepas.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dilaporkan berkata terdapat tanda-tanda kerajaan menyekat ceramah secara terbuka manakala Presiden PAS Datuk Fadzil Nor menuduh pengundi terpaksa memilih calon BN kerana takutkan jentera BN.

Dalam pilihan raya Sabtu lepas itu, calon BN, Ooi Ah Lan, memperolehi 4,279 undi untuk mengalahkan calon Keadilan, Khoo Yang Chong yang mendapat 1,687 undi.

Dr Mahathir berkata PAS sememangnya suka mengeksploitasi isu-isu yang berkaitan dengan Islam selain menabur fitnah dan memaki pemimpin dan individu tertentu.

-- BERNAMA

RAM NMO